

NIOSH Buka Cawangan Wilayah Selatan

Published on: Feb 16, 2013 @ 2:37

NIOSH buka cawangan wilayah selatan

BH M/S N4
16/2/13

Ayer Keroh: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) membuka pejabat wilayah selatan di sini, bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat di tiga negeri.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pembukaan cawangan itu selaras dengan usaha pihaknya untuk membantu industri menjalankan kegiatan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

"Pejabat cawangan baru ini di lokasi strategik bakal memfokuskan kepada usaha meningkatkan kebolehcapaian industri di Melaka, Seremban, Senawang, Muar dan beberapa kawasan lain yang berhampiran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran Program Kesedaran Kemalangan Industri dan Perjalanan ke Tempat Kerja serta pejabat baru NIOSH Wilayah Selatan di Kompleks Yayasan Belia Sedunia di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh; Pengerus NIOSH Wilayah Selatan, Khairunnizam Mustapha dan Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) negeri, V Mohanadas.

Setakat ini, NIOSH mempunyai lima pejabat utama masing-masing di Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak manakala tiga pejabat cawangan iaitu di Melaka, Labuan dan Miri.

Satu lagi akan dibuka di Sandakan April ini.

Sementara itu, Khairunnizam berkata, pejabat NIOSH Wilayah Selatan berkenaan mula beroperasi di Sungai Udang pada 2008.

Perpindahan beri kesan positif

Katanya, perpindahan ke Ayer Keroh mampu memberi kesan positif kepada industri di negeri ini.

"Pejabat baru yang berhampiran Hotel Belia Sedunia ini mempunyai dua bilik latihan yang boleh menempatkan kira-kira 50 pelajar pada satu-satu masa.

"Usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan NIOSH Wilayah Selatan serius dalam memenuhi permintaan pelanggan di Melaka," katanya.



Lam Thye (dua dari kanan) melawat gerai pameran selepas melancarkan Program Kesedaran Kemalangan Industri dan Perjalanan ke Tempat Kerja serta pejabat baru NIOSH Wilayah Selatan di Ayer Keroh.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]